BERITA HARIAN, RABU, 1 NOVEMBER, 1978



# DR. MAHATHIR BERBUAL MESRA DGN. MENTERI JEPUN

TIMBALAN Perdana Menteri Malaysia, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamed (kiri) kelihatan sedang beramah mesra dengan Menteri Luar Jepun, Encik Sunao Sonoda di Kementerian Luar di Tokyo, semalam.

Dr. Mahathir mengetuai rombongan menggalakkan pelaburan ke Jepun. Kelmarin, Timbalan Perdana Menteri berucap di sidang bersama tahunan Persatuan Ekonomi Malaysia-Jepun (MAJECA) dan Persatuan Ekonomi Jepun-Malaysia (JAMECA) di Dewan perniagaan dan perusahaan binaan Jepun di Tokyo.

Mesyuarat MAJECA diberitahu bahawa Malaysia setakat ini telah menubuhkan sembilan buah kelab industri kebangsaan.

Kesembilan kelab itu termasuk kelab untuk industri besi dan besi waja, industri berasaskan getah, memproses makanan, pekilang kimia, industri elektrik, elektronik dan pekilang-pekilang kaca. — Gambar AP.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

No. Sel: 1457
No. Pen: 1128/80